

PERLEMBAGAAN (PINDAAN) MAJLIS BERSAMA JABATAN BAGI JABATAN PERHUTANAN
NEGERI SABAH (NO. MBJ : 73OIOOI)

1. KEAHLIAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bagi Jabatan Perhutanan Sabah (selepas ini disebut sebagai "Majlis") hendaklah mengandungi 45 orang ahli terdiri daripada 13 orang ahli yang dilantik oleh Pengarah Perhutanan Negeri Sabah termasuk Pengerusi, Setiausaha dan ahli-ahli (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pegawai") dan 32 orang ahli yang dipilih oleh Persatuan Sukan, Rekreasi & Kebajikan, Jabatan Perhutanan Sabah (FORESS) (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pekerja").

2. DEFINISI

- (a) "FORESS" merujuk kepada PERSATUAN SUKAN, REKREASI DAN KEBAJIKAN JABATAN PERHUTANAN SABAH yang didaftarkan melalui bilangan PPP/SB.120/97 yang mana keahliannya dikategorikan sebagai "Ahli Biasa" dan "Ahli Bersekutu". Untuk tujuan penubuhan MBJ Jabatan/Pejabat hanya "Ahli Biasa" sahaja yang layak dilantik / dipilih sebagai Wakil Pekerja.
- (b) "Pengerusi" merujuk kepada Timbalan Pengarah (Pengurusan), Jabatan Perhutanan Negeri Sabah".
- (c) "Ahli" merujuk kepada Pegawai yang dilantik berdasarkan tanggungjawab mengikut tugas yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan atau fungsi Bahagian (Kewangan, Perjawatan, Perkhidmatan/Pentadbiran dan Sumber Manusia). "Setiausaha Bersama" merujuk kepada Pegawai Tadbir yang juga Timbalan Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan Personel yang dilantik oleh Pengerusi di pihak Majikan dan seorang lagi oleh Presiden FORESS di pihak Pekerja.
- (d) "Ibu Pejabat" merujuk kepada Ibu Perhutanan Sandakan.
- (e) "Daerah" merujuk kepada Pejabat Perhutanan Daerah.
- (f) "Urusan" merujuk kepada Bahagian Khidmat Pengurusan Personel.

3. PIHAK PEGAWAI

Ahli-ahli bagi pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada Pegawai-pegawai di mana Majlis Bersama Jabatan ditubuhkan sama ada di peringkat Ibu Pejabat atau di peringkat daerah seperti berikut :

1. Timbalan Pengarah (Pengurusan) - Pengerusi
2. Timbalan Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan Personel - Setiausaha Bersama
3. Ahli-ahli :
 - (a) . Ketua Bahagian Belanjawan & Kewangan
 - (b) . Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan Personel
 - (c) . Ketua Bahagian Pengurusan Projek & Perkhidmatan Am
 - (d) . Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
 - (e) . Pengetua Institut Perhutanan Sabah, Telupid
 - (f) . Timbalan Ketua Pusat Penyelidikan Perhutanan, Sepilok
 - (g) . Pegawai Perhutanan Daerah, Sandakan
 - (h) . Pegawai Perhutanan Daerah, Tawau
 - (i) . Pegawai Perhutanan Daerah, Kota Kinabalu
 - (j) . Pegawai Perhutanan Daerah, Kudat
 - (k) . Pegawai Perhutanan Daerah, Keningau

4. PIHAK PEKERJA

- 4.1 Ahli-ahli bagi pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja Gred 48 dan ke bawah dan bukan Ketua Bahagian di mana Majlis itu ditubuhkan di dalam Jabatan/Pejabat yang mana mereka dipilih melalui Mesyuarat Agung Khas FORESS yang mewakili pekerja-pekerja tersebut.
- 4.2 Ahli-ahli pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh 1 tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/dipilih.

5. PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada seorang ahli FORESS yang dipilih oleh pihak Pekerja. Tiap-tiap pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan Setiausaha Bersama.

6. TUJUAN

Tujuan Majlis adalah untuk memperolehi seluas-luasnya kerjasama yang menyeluruh di antara pihak Pegawai dengan pihak Pekerja Jabatan Perhutanan Negeri Sabah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kekeliruan kerja dan Kebajikan Pekerja yang berkenaan ; untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada Pekerja-pekerja dengan Wakil-wakil Rasmi Jabatan Perhutanan Sabah.

7. BIDANG DAN FUNGSI

Bidang dan Fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut :

- 7.1 Membincangkan dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan Pentadbiran yang berkenaan kecuali perkara mengenai Pekerja-pekerja Perseorangan.
- 7.2 Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat di bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan.
- 7.3 Menggalakkan kakitangan pengambilan bahagian dalam perbincangan untuk mendapatkan lebih pengetahuan mengenai Pentadbiran dari bahagian/unit ; dan
- 7.4 Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta saluran bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

8 MESYUARAT

- 8.1 Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali ;
- 8.2 Korum bagi setiap Mesyuarat hendaklah tidak kurang daripada tujuh (7) orang ahli pihak Pegawai dan enambelas (16) orang ahli pihak pekerja.
- 8.3 Agenda bagi Mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama. Pekerja-pekerja yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi .
- 8.4 Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan atas permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi apabila dikehendaki. Tarikh Mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh Pegawai-pegawai Majlis. Perkara yang dibincangkan di Mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara yang dinyatakan dalam notis panggilan.
- 8.5 Timbalan Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perhutanan Negeri Sabah merupakan Pengerusi Mesyuarat MBJ. Jika sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat yang telah dijadualkan maka ahli pihak Pegawai yang terkanan boleh menjadi Pengerusi Ganti. Naib Pengerusi MBJ iaitu Pengerusi pihak Pekerja tidak boleh mempengerusikan Mesyuarat MBJ dalam apa keadaan sekali pun.

9. KEPUTUSAN

- 9.1 Segala keputusan-keputusan hendaklah dicapai dengan persetujuan di antara kedua-dua belah pihak.
- 9.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan lain dan tidak pula bercanggah dengan dasar Kerajaan boleh diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan atau dengan Jabatan lain, ianya hendaklah dirujukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) ataupun Jabatan yang berkaitan.

IO. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

- IO.I Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu Mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada Ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh Mesyuarat. Segala Pindaan Perlembagaan yang telah dipersetujui oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia untuk kelulusan.